

JENAYAH MENGGUGAT KELESTARIAN WANITA

Asbah binti Razali¹, (Siti Nor Azhani binti Mohd Tohar², Fauziah binti Ani³)

¹*Asbah Razali*
(*asbahrazali@um.edu.my*)

²*Siti Nor Azhani Binti Mohd Tohar*
(*azhanitohar@usim.edu.my*)

³*Fauziah Ani*
(*fauziaha@uthm.edu.my*)

ABSTRACT

Isu jenayah dan wanita dilihat semakin meningkat. Kes-kes jenayah yang melibatkan wanita menjadi mangsa utama termasuklah kes cabul, rogol, ragut, keganasan rumah tangga, pembunuhan, penderaan dan masalah pemerdagangan manusia contohnya wanita dijadikan sebagai keldai dadah dan terlibat dalam aktiviti pelacuran. Hal ini amat membimbangkan kerana kelemahan wanita telah menjadikan mereka sebagai sasaran sama ada dalam bentuk keganasan ataupun mangsa eksploitasi semata-mata untuk mengaut keuntungan daripada pihak tertentu. Terdapat kes jenayah terhadap wanita yang dilaporkan menunjukkan adanya mangsa yang meninggal dunia akibat daripada jenayah yang semakin berleluasa. Hal ini bermakna kes jenayah terhadap wanita pada masa ini bukan hanya mengakibatkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa tetapi juga boleh mengakibatkan kematian. Lebih dikesali, kebanyakan kes jenayah tersebut dilakukan oleh individu yang dikenali dan merupakan orang yang dipercayai dalam kehidupan wanita. Kurangnya pendedahan kepada masyarakat mengenai kes-kes jenayah yang melibatkan wanita sebagai mangsa menyebabkan jenayah terhadap wanita dipandang remeh dan tidak serius walhal peningkatan jenayah terhadap wanita meningkat tahun demi tahun. Hal ini mengundang persoalan apakah bentuk perlindungan terutamanya dari segi undang-undang yang telah disediakan oleh pihak kerajaan Malaysia kepada kaum wanita untuk membela nasib kaum wanita. Justeru itu, kertas kerja ini akan membincangkan mengenai isu jenayah dan wanita serta perlindungan dan undang-undang yang sedia ada di Malaysia untuk menangani jenayah terhadap kaum wanita.

Keywords: **Jenayah; Wanita; Kelestarian; Kecederaan Fizikal dan Mental**

1.0 PENGENALAN

Masalah jenayah yang dilakukan terhadap kaum wanita dilihat semakin meningkat saban tahun. Statistik yang diperoleh daripada Polis Di Raja Malaysia (PDRM) mendapati jumlah kes jenayah yang membabitkan wanita sebagai mangsa kebelakangan ini meningkat daripada 2,462 kes pada tahun 2011 kepada 2,558 kes pada tahun 2012. Seterusnya kes-kes jenayah juga dilihat meningkat kepada 3,488 pada tahun 2013 dan 4,123 kes pada tahun 2014. Kes-kes jenayah terhadap wanita termasuklah kes cabul, rogol, ragut, keganasan rumah tangga, pembunuhan, penderaan dan masalah pemerdangan manusia contohnya wanita dijadikan sebagai keldai dadah dan terlibat dalam aktiviti pelacuran (Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, 2016). Hal ini amat membimbangkan kerana kelemahan kaum wanita telah menjadikan mereka sebagai sasaran jenayah sama ada dalam bentuk keganasan ataupun mangsa eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu.

Terdapat kes jenayah terhadap wanita yang dilaporkan menunjukkan adanya mangsa yang meninggal dunia akibat daripada kekejaman tersebut. Hal ini bermakna kes jenayah terhadap wanita pada masa ini bukan hanya mengakibatkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa tetapi juga boleh mengakibatkan kematian. Lebih dikesali, kebanyakan kes jenayah tersebut dilakukan oleh individu yang dikenali dan merupakan orang yang dipercayai dalam kehidupan wanita. Statistik terhadap jenayah wanita di beberapa buah negara mendapati kira-kira 36% wanita di dunia menjadi mangsa keganasan seksual selain kes rogol termasuklah pencabulan kehormatan dan gangguan seksual. Di Amerika Syarikat contohnya, kira-kira 83% daripada kanak-kanak perempuan yang berumur dari 12 hingga 16 tahun berhadapan dengan masalah keganasan seksual yang kerap kali berlaku di pusat pengajian atau disekolah.

Isu ini semakin membimbangkan memandangkan wanita menjadi dapat menjadi salah satu pemangkin pembangunan negara selaras dengan kelestarian insan untuk mengekalkan kedudukan wanita di tahap yang lebih tinggi. Hal ini adalah penting untuk wanita menghadapi kelangsungan hidup yang lebih mencabar di masa hadapan dengan adanya penambahbaikan nilai pada wanita. Malah kaum wanita juga berhak menambahbaik nilai-nilai yang ada di dalam diri mereka untuk majudan bersaing dengan kaum lelaki dalam semua bidang. Dalam masa yang sama, wanita dapat menjadi aset kepada negara dan boleh dilestarikan dengan jayanya. Kurangnya pendedahan kepada masyarakat mengenai kes-kes jenayah yang melibatkan wanita sebagai mangsa menyebabkan jenayah terhadap wanita dipandang remeh dan tidak serius walhal peningkatan jenayah terhadap wanita meningkat tahun demi tahun mengganggu kelestarian kepada wanita untuk lebih membangun.

2.0 KAJIAN LEPAS

Masalah jenayah terhadap wanita semakin mendapat perhatian oleh ramai pengkaji sosiologi dalam tempoh 20 tahun yang lalu. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa jenayah ke atas wanita memberikan kesan negatif

terhadap mangsa (Steel, Sanna, Hammond, Whipple & Cross, 2004; Noll, Trickett, Susman & Putnam, 2007; Chen, Dunne & Han, 2004; Meston, Rellini & Heiman, 2006). Malah, jenayah juga telah memberikan impak yang serius terhadap kestabilan psikologi wanita. Hal ini diakui oleh kajian yang dijalankan oleh (Roesler & Wind, 1994; Lorentzen, Nilsen & Traeen, 2008) bahawa jenayah terhadap kaum wanita bukan saja menjejaskan kestabilan psikologi mangsa tetapi turut memusnahkan rasa kepercayaan terhadap individu yang sepatutnya melindungi mereka. Malah, kebanyakan mangsa jenayah seperti rogol, pencabulan dan keganasan rumah tangga akan sentiasa dihantui oleh sejarah silam mereka dan berasa dikhianati oleh ahli keluarga lain yang tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghentikan jenayah yang dialami mereka.

Kini kebanyakan mangsa jenayah telah berani menampilkan diri secara terbuka untuk mendedahkan jenayah yang dihadapi terutamanya kes rogol dan keganasan rumah tangga. Hal ini kerana, sejak pertengahan 1970-an penyelidikan mengenai keganasan terhadap wanita telah mula berkembang, dan terdapat banyak maklumat yang diperolehi dan banyak agensi yang mula membantu kaum wanita untuk menamatkan segala jenis jenayah yang berlaku ke atas diri mereka. Kajian yang dijalankan oleh Leitenberg, Gibson & Novy, (2004) mendapati wanita yang menjadi mangsa jenayah seperti cabul dan rogol memberikan kesan yang sangat mendalam terhadap mental dan psikologi. Malah, wanita yang menjadi mangsa perbuatan ahli keluarga sendiri berasakan dirinya tidak lagi mempunyai pergantungan hidup. Walaupun begitu jenayah ini sangat jarang dilaporkan kepada pihak berkuasa berkemungkinan besar ada sesetengah individu trauma untuk berdepan dengan masyarakat atau pelaku jenayah ini adalah orang-orang yang mereka kenali. Stigma sesetengah masyarakat terhadap mangsa rogol menjadikan golongan minoriti ini gagal untuk tampil mendapat pembelaan. Apa yang memeranjatkan adalah, berdasarkan kadar statistik kes rogol, kes ini bukan sahaja berlaku di negara-negara yang berlaku pergolakan, kadar sosial yang tinggi atau kes jenayah yang begitu berat, malah ia turut berlaku di negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat dan sekitar negara-negara Eropah.

Selain itu, satu kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Agensi Eropah untuk Hak Asasi Manusia, pada tahun 2014 mendapati kira-kira 47% wanita di Finland dikatakan mengalami masalah gangguan seksual dan ada sebilangan daripada mereka menjadi mangsa penderaan seksual. Manakala 52% wanita di negara Denmark pula adalah mangsa penderaan seksual secara fizikal. Mengikut nisbah lagi, 1 daripada 5 remaja wanita di negara itu menjadi mangsa seksual dari orang yang mereka kenali. Hasil kajian turut mendapati hanya 13% yang menjadi mangsa rogol dan penderaan seksual paling serius tampil membuat laporan polis. Kebanyakan jenayah ini berlaku tinggi kerana ada antara mangsa tidak melaporkan kepada pihak polis. Hal ini menyebabkan kurang maklumat berkaitan dengan jenayah terhadap wanita yang dapat dikenal pasti.

Menurut *The United Nations Children's Fund* (UNICEF), jenayah rogol kanak-kanak meningkat sehingga 42 peratus di Zimbabwe. Jumlah kes rogol

bawah umur mengikut laporan polis melonjak daripada 2,192 pada tahun 2010 kepada 3,112 pada tahun 2014. Manakala pada tahun 2012, kira-kira 51,200 rakyat Australia yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah mangsa serangan seksual. Mengikut satu lagi laporan, wanita di Australia turut menjadi mangsa rogol sejak berusia 15 tahun. Statistik yang diperolehi menunjukkan sebanyak 16.4% wanita telah menjadi mangsa rogol individu yang mereka kenali termasuk pasangan sendiri. Hasil kajian mendapati lebih 70% serangan seksual di negara itu dilakukan oleh ahli keluarga, rakan-rakan atau pasangan, dan rakan sekerja. 29% wanita menjadi mangsa rogol hasil perkenalan di media sosial manakala hanya 1% menjadi mangsa rogol dari individu tidak dikenali.

Selain itu, menurut Johnson, Sheahan, Chard (2013) kadar serangan seksual di New Zealand adalah jauh lebih tinggi daripada peratusan purata jenayah di dunia. Ia meletakkan negara itu dengan kadar peratusan sebanyak 16.4% wanita adalah mangsa serangan seksual. Menurut laporan Kementerian Keadilan New Zealand, serangan seksual berlaku setiap 2 jam terhadap mangsa. Malah statistik pada tahun 2014 menunjukkan bahawa 1 daripada 3 perempuan dan seorang daripada enam kanak-kanak lelaki itu mungkin didera secara seksual sebelum berumur 16 tahun. Hasil kajian mendapati serangan seksual di negara itu meningkat 15% setiap tahun. Namun hanya 9% jenayah seksual dilaporkan kepada pihak berkuasa. 91% kejadian rogol di negara itu tidak dilaporkan kepada pihak polis.

Hal yang sama diakui oleh Rekod Jenayah Kebangsaan (NCRB) di India bahawa jenayah seksual terhadap wanita di negara tersebut telah meningkat sebanyak 7.5% sejak tahun 2010. Satu daripada tiga mangsa adalah berusia 18 tahun dan satu daripada 10 mangsa pula adalah berusia 14 tahun. Berdasarkan purata statistik, kes rogol di India berlaku setiap 20 minit. New Delhi adalah antara bandar yang mempunyai jumlah tertinggi kes rogol yang dilaporkan. Manakala menurut laporan *Times Of India*, seramai 93 orang wanita dirogol setiap hari di negara tersebut. Kebanyakan wanita dirogol oleh individu yang mereka kenali. Ia termasuklah jiran sebanyak 10,782 kes, kenalan atau individu dikenali mangsa sebanyak 18,171 kes, saudara mara sebanyak 2315 kes dan ahli keluarga lain termasuklah bapa sendiri sebanyak 539 kes. Namun masih banyak lagi kes - kes jenayah terhadap wanita di India yang tidak dilaporkan.

3.0 PUNCA - PUNCA JENAYAH TERHADAP WANITA

Terdapat pelbagai faktor yang dikenal pasti berkaitan dengan punca-punca wanita dikaitkan dengan pelbagai masalah jenayah. Salah satunya adalah disebabkan oleh kelemahan wanita dikatakan menjadi punca utama menjadikan mereka sebagai mangsa jenayah dan keganasan terutamanya jenayah seksual. Gambaran bahawa kaum wanita adalah lemah berbanding dengan lelaki dikatakan dapat mempengaruhi peningkatan jumlah jenayah terhadap wanita. Faktor gender yang disosialisasikan dalam kehidupan anak lelaki dan anak perempuan selama ini telah membezakan peranan lelaki dan peranan perempuan sedikit sebanyak telah mempengaruhi tingkah laku ganas

oleh lelaki kepada wanita (Belknap, 1996). Kaum lelaki disifatkan sebagai gagah, pantang dicabar dan ganas manakala kaum wanita disifatkan sebagai lemah, mudah mengalah dan tidak suka akan keganasan menyebabkan mereka lebih terdedah menjadi mangsa jenayah.

Selain itu juga, isu gender dilihat menjadi masalah utama yang menyebabkan wanita menjadi mangsa jenayah kerana kaum wanita dianggap sebagai tidak mempunyai taraf yang sama dengan kaum lelaki. Keadaan ini tertanam dalam kebanyakan budaya sehingga mengakui bahawa wanita itu lemah dari segi fizikal dan mental dan dilahirkan untuk menjadi mangsa jenayah. Hal inilah yang menyebabkan kebanyakan kajian lepas yang berkaitan dengan jenayah mendapati jenayah yang berlaku terhadap wanita disebabkan oleh persepsi bahawa wanita lemah dan sering menjadi mangsa dalam banyak keadaan. Shariffah Nuridah Aishah dan Noor'Ashikin (2010) di dalam kajiannya mendapati kumpulan wanita yang kerap menjadi mangsa jenayah adalah wanita dalam kumpulan minoriti, orang asli wanita, pendatang wanita, tebusan wanita, wanita yang hidup dalam kemiskinan yang terasing dari pembangunan, wanita dalam tahanan, kanak-kanak perempuan, wanita cacat dan wanita yang berumur 60 tahun ke atas. Ketakutan wanita untuk mempertahankan hak mereka menjadi punca utama mereka dianiaya.

Berdasarkan *Handbook for National Action Plans on Violence Against Women* (2012), jenayah terhadap wanita biasanya dilakukan oleh individu yang dikenali oleh wanita tersebut dan kebanyakan jenayah yang dilakukan tidak dilaporkan kepada pihak yang berkuasa. Hal ini mungkin disebabkan oleh rasa takut dan perasaan sayang kepada penjenayah yang kebanyakannya terdiri daripada suami, bekas suami, bapa dan adik beradik. Malah, kebanyakan wanita juga mengakui bahawa dirinya lemah dan menerima jenayah yang dilakukan dengan hati yang terbuka.

Malah, kedudukan wanita dalam masyarakat dunia sebelum abad ke-18 dipandang sebagai kelas yang rendah. Berdasarkan budaya masyarakat Greek dan Yunani, wanita dianggap hanya mempunyai jasad tanpa roh. Mereka juga dianggap barang dagangan yang boleh dijual beli dan dipindah hak milik. Manakala dalam budaya masyarakat India dan agama Hindu, wanita dijadikan sebagai hamba dan pelayan kepada suami. Amalan 'sati' dalam masyarakat India menjadi bukti kesetiaan dan pengorbanan isteri terhadap suaminya sahaja. Bagi masyarakat Jahiliyyah Arab pula, mereka memperhambakan wanita dan membunuh bayi perempuan. Lebih mendukacitakan, Kongres Agung Bangsa Eropah pada 581 Masehi berpendapat bahawa wanita adalah manusia yang diciptakan untuk mengabdikan diri kepada lelaki.

Namun, tanggapan terhadap wanita sebagai hamba abdi telah berubah selepas Revolusi Perindustrian pada abad ke-18, di mana timbulnya kesedaran dalam kalangan wanita berkaitan dengan kedudukan mereka yang rendah dan didiskriminasi. Kebanyakan pengkaji sosiologi berpendapat, punca utama berlakunya jenayah terhadap wanita adalah kerana mereka tiada pendidikan, buta huruf dan berada dalam belunggu kemiskinan. Oleh itu, langkah terbaik untuk mengelakkan wanita daripada menjadi mangsa jenayah adalah dengan meningkatkan taraf pendidikan wanita dan melibatkan wanita dalam pelbagai

sektor sama seperti penglibatan kaum lelaki. Kesedaran tentang isu jenayah terhadap wanita semakin menjadi perhatian sehingga abad yang ke 19. Ramai pejuang wanita merumuskan jenayah terhadap wanita adalah disebabkan oleh struktur 'patriaki' yang mana memberikan kuasa kepada kaum lelaki sehingga menyebabkan wujudnya pelbagai kes jenayah terhadap kaum wanita.

Walau bagaimanapun, keadaan ini bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana perkara yang sama juga dialami oleh pengkaji-pengkaji di negara Asia yang lain seperti di China. Keadaan ini mungkin disebabkan kurangnya kesedaran tentang kejadian jenayah terhadap wanita dalam masyarakat di sesebuah negara. Kajian yang dijalankan di Jepun telah mendapati antara penyebab kadar jenayah terhadap wanita semakin tinggi adalah kerana kemiskinan dan juga ketagihan dadah dan alkohol. Manakala kajian-kajian lain mendapati jenayah terhadap wanita berlaku disebabkan oleh budaya yang membenarkan wanita ditindas dan dianiaya tanpa ada hak untuk mempertahankan dirinya.

Walau apapun alasan yang diberikan tentang punca berlakunya perbuatan jenayah ini, keganasan terhadap wanita adalah tidak wajar kerana budaya masyarakat yang beragama Islam meletakkan wanita sebagai berada ditempat yang tertinggi dan tidak boleh ditindas. Malah jenayah terhadap wanita yang pada awalnya diklasifikasikan sebagai masalah sosial bagaimanapun telah pun diambil kira sebagai perbuatan jenayah. Kes jenayah yang melibatkan wanita di Malaysia, adalah menerusi undang-undang Kanun Keseksaan dan Akta Keganasan Rumahtangga 1994 (Akta 521). Ini bermakna, secara asasnya, kaum wanita di Malaysia sememangnya dilindungi oleh undang-undang daripada sebarang jenayah.

4.0 BENTUK-BENTUK JENAYAH TERHADAP WANITA

Jenayah merupakan satu perbuatan yang menyalahi undang-undang dalam sesebuah kerajaan. Jenayah merangkumi sebarang tindakan keganasan yang mengakibatkan kecederaan fizikal, psikologi dan mendatangkan kecederaan dan kesakitan terhadap wanita yang dilakukan secara paksaan ataupun ugutan. Jenayah berlaku apabila individu gagal mematuhi pola sosial tingkah laku yang diterima oleh masyarakat. Undang-undang berkaitan dengan jenayah dikenali sebagai undang-undang jenayah. Di Malaysia, masalah jenayah terhadap wanita dilakukan oleh kaum lelaki kerana mereka merasakan dirinya berhak memonopoli kehidupan kaum wanita. Antara bentuk-bentuk jenayah terhadap wanita termasuklah :-

4.1 Keganasan Rumah Tangga

Keganasan rumah tangga dan keluarga merangkumi tingkah laku atau ancaman yang bertujuan mengawal pasangan dengan menimbulkan rasa takut atau mengancam keselamatan mereka. Keganasan rumah tangga dan keluarga boleh merangkumi memukul; mencekik; menafikan nafkah yang diperlukan kepada pasangan atau keluarga dan menghina atau sentiasa mengkritik pasangan. Ini bermakna, keganasan terhadap wanita bukan sahaja berkaitan dengan penderaan fizikal tetapi meliputi keganasan secara psikologi, emosi

seperti penghinaan dan menjatuhkan maruah wanita sehingga meninggalkan kesan negatif dalam diri wanita (Maizatul Akmam, Hazalina, Latifenossadat, Madanian, & Faizah (2008). Jenayah yang berlarutan akan menyebabkan kaum wanita hilang upaya untuk meneruskan kelestarian hidup mereka sendiri dan ini bermakna mereka tidak mampu untuk membangunkan diri mereka dan menambahkan nilai dalam diri mereka di masa akan datang.

4.2 Rogol, Pencabulan dan Sumbang Muhrim

Jenayah rogol, pencabulan dan sumbang mahram juga merupakan antara jenayah terhadap wanita yang semakin serius dan mendapat perhatian banyak pihak pada masa kini. Jenayah yang melibatkan kaum wanita ini menunjukkan kepincangan dalam institusi kekeluargaan dan memberikan kesan kepada wanita seterusnya meruntuh institusi kekeluargaan dan masyarakat keseluruhannya. Jenayah ini juga melumpuhkan kelestarian hidup wanita kerana memberikan kesan sepanjang hayat mereka. Mereka akan berasa terhina dan dicaci oleh masyarakat sekeliling walaupun hakikatnyamereka tidak bersalah. Mereka akan hilang kepercayaan terhadap mahram yang lain dan ini menjadikan hubungan kekeluargaan semakin renggang. Malah, mereka turut mengalami kesan psikologi akibat lahirnya sifat kebencian kepada kaum lelaki dan menghadapi gangguan atau bermasalah dalam perkembangan psikososial mereka (Kasmini Kassim, 1998).

4.3 Gangguan Seksual

Gangguan seksual juga termasuk dalam isu jenayah terhadap wanita terutamanya di tempat kerja. Hal ini kerana, kini semakin ramai kaum wanita yang memasuki dunia pekerjaan dan tenaga kerja dalam sesebuah organisasi. Dalam membincangkan masalah gangguan seksual, Amerika Syarikat adalah negara pertama yang mengharamkan gangguan seksual terhadap wanita di dunia. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan hak kaum wanita. Sabhita (2001) mendapati 42 peratus hingga 70 peratus pekerja wanita di Malaysia telah mengalami gangguan seksual. Ini adalah satu jumlah yang besar dan semakin hari bilangan ini mungkin semakin bertambah. Gangguan seksual menyebabkan mangsa mengalami masalah gangguan fikiran, perasaan takut apabila bersendirian dan berasa lemah. Hal ini menyebabkan mangsa mengalami trauma dan menjadikan dirinya hilang tumpuan terhadap pembangunan diri mereka. Mangsa juga kemungkinan akan mengalami masalah kesihatan seperti resah, tekanan, cepat marah dan ketakutan. Hal ini menyebabkan wanita semakin terdedah menjadi mangsa serangan seksual kerana kaum lelaki beranggapan bahawa dirinya dominan dan wanita kekal menjadi golongan yang lemah. Malah, masalah ini akan menyebabkan kaum wanita tidak mampu untuk melestarikan diri dan prestasi di tempat kerja turut akan menurun. Akhirnya mereka akan dibuang kerja ataupun berhenti kerja kerana tidak mampu menangani masalah yang hadir di dalam dirinya.

4.4 Pembunuhan

Selain itu, statistik juga menunjukkan jenayah pembunuhan terhadap wanita juga menunjukkan peningkatan saban tahun. Hasil kajian mendapati

pembunuhan terhadap wanita dilakukan oleh kaum lelaki yang mempunyai pertalian rapat dengan wanita tersebut seperti suami, teman lelaki, dan ahli keluarga akibat daripada keganasan rumah tangga dan keganasan domestik. Menurut Herman, J. L. (1997) pembunuhan merupakan bentuk jenayah yang paling ekstrem. Hasil kajian lepas juga mendapati jenayah pembunuhan adalah disebabkan oleh masalah tekanan dan kekecewaan yang dihadapi dalam sesebuah perkahwinan sehingga menyebabkan konflik rumah tangga yang serius. Kebanyakan suami cenderung melakukan kekerasan terhadap pasangannya untuk menyelesaikan masalah sehingga berlakunya pembunuhan ekoran daripada rasa marah. Malah, ada juga pasangan yang terlalu cemburu sehingga sanggup membunuh isteri akibat daripada tidak mampu mengawal rasa marah dan kecewa.

5.0 PERUNDANGAN DAN POLISI NEGARA TERHADAP JENAYAH WANITA

Jumlah kes jenayah terhadap wanita yang semakin meningkat menjadi penyebab utama penggubalan polisi dan perundangan jenayah dilaksanakan, iaitu bertujuan untuk membendung segala bentuk jenayah terhadap wanita. Bukan itu sahaja, undang-undang jenayah diadakan untuk mengawal kehidupan masyarakat agar sentiasa mematuhi nilai dan norma dalam masyarakat. Perbuatan-perbuatan seperti merogol, mencabul, mencederakan orang, merompak atau membunuh. akan dihukum mengikut undang-undang jenayah seperti hukuman denda, penjara, sebatan atau hukum mati. Undang-undang juga diwujudkan untuk menjaga hak-hak terutamanya hak kanak-kanak, wanita dan warga emas. Contohnya seperti hak isteri menerima nafkah dari suaminya atau seorang anak mendapat nafkah daripada ibubapanya. Sekiranya perkara ini gagal dilakukan, si suami atau bapa akan diperintahkan oleh mahkamah untuk melaksanakan kewajipannya. Undang-undang berfungsi mewujudkan satu sistem kehidupan dalam sesuatu masyarakat untuk mewujudkan keadilan. Di bawah undang-undang perlembagaan konsep hak-hak asasi dan kesamarataan diamalkan. Oleh itu, undang-undang perlu diadakan untuk mengawal dan mengatur kehidupan masyarakat serta membendung kezaliman.

Undang-undang juga diwujudkan untuk menjaga hak-hak dan kewajipan. Undang-undang berfungsi mewujudkan satu sistem kehidupan dalam sesuatu masyarakat. Contohnya di negara-negara Islam, undang-undang syariah digunakan di mana adalah berbeza dari undang-undang sivil. Undang-undang jenayah juga adalah salah satu cara mengawal masyarakat iaitu ia digunakan untuk mengawal tindakan ahli-ahli masyarakat. Kawalan ini digunakan secara kemas dan dilaksanakan secara jelas. Undang-undang jenayah bertindak sebagai mengawal tindakan-tindakan anti-sosial di mana jika berlakunya sesuatu perkara yang bertentangan dengan undang-undang, dan orang yang bersalah itu kena dihukum. Dengan adanya undang-undang, individu akan lebih berhati-hati dalam tindak-tanduknya dengan masyarakat supaya tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain dan kemungkinan untuk kadar jenayah terhadap wanita dapat dikurangkan (Office of Juvenile Justice & Delinquency Prevention, 1998).

Sungguhpun telah ada undang-undang di negara ini namun masih ada segelintir anggota masyarakat yang seakan-akan menuding jari kepada pihak berkuasa di atas kegagalan dan ketidakberkesanan pencegahan jenayah terutamanya kepada pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM). Dengan itu, menyedari kes-kes jenayah terhadap wanita yang semakin meningkat dan memberikan kesan kepada masalah sosial yang lain, pihak kerajaan komited dalam usaha mengurangkan pelakuan jenayah selari dengan pembangunan negara. Dalam hal ini, pelbagai dasar, usaha dan pendekatan dilakukan bagi menangani peningkatan pelakuan jenayah seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat terutamanya kepada kaum wanita. Rancangan Malaysia 5 Tahun menjadi teras utama dalam mengatasi masalah jenayah terhadap wanita selaras bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup kaum wanita di negara ini. Rancangan Malaysia Ke-7 (RMKe-7), merupakan Rancangan Malaysia pertama yang mula mengetengahkan aspek jenayah dalam pembangunan Negara (Malaysia, 1995:29-30) dan agenda pengurangan jenayah terhadap wanita diteruskan kepada RMKe-8, RMKe-9 dan RMKe-10.

Bukan itu sahaja, sejak tahun 2009, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita merupakan salah satu program kebangsaan dalam usaha menangani jenayah terhadap wanita di Malaysia. Antara strategi yang diambil bagi menangani jenayah terhadap wanita merangkumi peningkatan pengetahuan wanita bagi mencegah jenayah, memantapkan dan memperluaskan perkhidmatan sokongan sosial dan memastikan mangsa jenayah dipulihkan sepenuhnya. Kerajaan juga telah mengimplimentasikan Rancangan Malaysia ke-9 untuk memastikan pengurangan masalah jenayah terhadap wanita. Malah, Rancangan Malaysia ke-9 adalah bertujuan untuk meningkatkan kemajuan dan kesejahteraan diri kaum wanita. Selanjutnya, dalam rangka mencapai perancangan besar ini Malaysia juga menyasarkan untuk memperincikan tindakan yang perlu diambil terhadap wanita termasuklah dalam bidang ekonomi; kemiskinan; undang-undang; keganasan terhadap wanita; kesihatan; pendidikan dan latihan; sains dan teknologi; dan wanita dalam pembuat keputusan.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Heng Seai Kei, berikutan sebanyak 46,902 kes jenayah terhadap wanita direkodkan sejak 2007 sehingga Mac 2015 dan telah banyak kempen pencegahan jenayah yang dijalankan bagi membantu golongan wanita agar mereka menyedari bentuk jenayah yang dilakukan terhadap mereka. Selain kempen pencegahan jenayah, kerajaan juga turut menyediakan perkhidmatan sokongan emosi dan perlindungan kepada mangsa jenayah dan keganasan. Antara kempen yang diadakan termasuklah bengkel anti jenayah, sesi dialog bersama Polis Diraja Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat (Rela) dan Rukun Tetangga serta pameran untuk membantu golongan wanita agar mereka lebih peka terhadap aspek keselamatan diri.

Selain itu, tanggungjawab untuk mengurangkan dan membanteras jenayah terhadap wanita juga haruslah diambil oleh pihak yang lain seperti NGO, pihak swasta dan anggota masyarakat terutamanya kepada kaum lelaki. Hal ini

memberi makna bahawa kejayaan dasar dan program bagi menangani jenayah terhadap wanita adalah amat bergantung kepada kerjasama dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat. Pendekatan yang diambil juga haruslah meliputi aspek pencegahan, intervensi dan pemulihan. Dari segi undang-undang, hasil daripada inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama agensi kerajaan dan NGO terlibat, Kerajaan sedang membuat kajian semula ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah bagi meningkatkan hukuman ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan jenayah seksual.

Kini KPWKM dalam proses membuat pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga, 1994. Selain itu, pindaan ke atas Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 sedang dilaksanakan untuk memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual. KPWKM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Mengenai Keganasan dan Rogol di bawah Panel Perunding Undang-undang. Jawatankuasa Kecil ini bertanggungjawab untuk mengkaji undang-undang sedia ada di Malaysia dan mencadangkan undang-undang yang perlu dipinda seperti akta-akta yang berkaitan dengan isu rogol dan gangguan seksual serta membuat pemantauan ke atas pengubalan perundangan.

Kementerian juga melaksanakan program-program mengenai pendiskriminasian jantina, seminar menangani keganasan dan program literasi undang-undang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai peranan mereka bagi membanteras keganasan terhadap wanita melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK). Sebanyak 37 program literasi undang-undang dan 217 seminar menangani keganasan dengan penyertaan seramai 45,800 peserta telah dilaksanakan oleh MPWK pada tahun 2015. Kementerian juga berhasrat untuk meneruskan program-program seumpama ini dalam RMK11 di mana pengurangan keganasan terhadap wanita merupakan teras strategik keenam yang telah digariskan dalam RMK11 bagi meningkatkan kemajuan wanita. Dengan demikian, keperluan dan kesan program pembangunan dapat dikenalpasti supaya dasar serta tindakan lanjut dapat diambil. Hal ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Wanita Negara antaranya ialah untuk meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek, membudayakan kesaksamaan gender di kalangan semua lapisan masyarakat dan mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada dan menggubal perundangan dan peraturan baru bagi menjamin tiada diskriminasi berasaskan gender, perlindungan, keselamatan, hak-hak dan maruah wanita terpelihara dan mengambil langkah-langkah supaya penguatkuasaan undang-undang berkenaan berkesan.

6.0 LANGKAH MEMBANTERAS KEGANASAN TERHADAP WANITA

Membanteras keganasan terhadap wanita bukanlah satu tugas yang mudah. Ia tidak hanya terletak pada bahu kerajaan sahaja tetapi semua pihak haruslah terut sama melibatkan diri untuk menangani masalah ini. Malah, pendekatan secara holistik wajar diambil oleh semua pihak termasuklah pihak kerajaan, NGO, swasta dan anggota masyarakat di samping perlunya usaha sama daripada kaum lelaki untuk mengatasi masalah ini. Ini bermakna kejayaan dasar dan program bagi menangani jenayah tersebut bergantung kepada kerjasama padu dan komitmen semua pihak yang terlibat. Pendekatan yang diambil juga haruslah merupakan pendekatan yang holistik, meliputi aspek pencegahan, intervensi dan pemulihan.

Usaha bersepadu perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya wanita terhadap tanggungjawab dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Program kesedaran dan latihan berkaitan keganasan terhadap wanita hendaklah melibatkan setiap lapisan masyarakat termasuk kaum lelaki. Perkhidmatan sokongan sosial perlu ditingkatkan terutama aspek pencegahan, perlindungan dan pemulihan. Hal ini kerana, peningkatan jumlah wanita yang dianiaya terus meningkat saban tahun walaupun kadar keganasan yang dilaporkan di Malaysia adalah masih di tahap terkawal.

Selain itu, dari segi undang-undang pula, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama agensi kerajaan dan NGO terlibat dan pihak kerajaan sedang membuat kajian semula ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah bagi meningkatkan hukuman ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan jenayah seksual. KPWKM juga kini sedang dalam proses membuat pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga, 1994. Selain itu, pindaan ke atas Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 sedang dilaksanakan untuk memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual. KPWKM telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Mengenai Keganasan dan Rogol di bawah Panel Perunding Undang-undang. Jawatankuasa Kecil ini bertanggungjawab untuk mengkaji undang-undang sedia ada di Malaysia dan mencadangkan undang-undang yang perlu dipinda seperti akta-akta yang berkaitan dengan isu rogol dan gangguan seksual serta membuat pemantauan ke atas penggubalan perundangan.

Kementerian juga melaksanakan program-program kesedaran berkaitan dengan ketidakadilan terhadap wanita, seminar menangani keganasan dan program literasi undang-undang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai peranan mereka bagi membanteras keganasan terhadap wanita melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK). Bahkan, sebanyak 37 program literasi undang-undang dan 217 seminar menangani keganasan dengan penyertaan seramai 45,800 peserta telah dilaksanakan oleh MPWK pada tahun 2005.

Di samping itu, menyadari bahawa peranan masyarakat di peringkat akar umbi adalah penting bagi membantu kerajaan menangani keganasan terhadap wanita, sukarelawan Organisasi Wanita Membanteras Keganasan - OMBAK atau Women Against Violence – WAVE telah ditubuhkan di semua negeri. Mereka telah diberi pendedahan dan latihan bagi membantu mangsa-mangsa keganasan. Sehingga kini bilangan sukarelawan yang telah dilatih adalah seramai 416 orang di seluruh negara. Kementerian akan meneruskan program-program seumpama ini dalam RMK9 di mana pengurangan keganasan terhadap wanita merupakan teras strategik keenam yang telah digariskan dalam RMK9 bagi meningkatkan kemajuan wanita. Dengan cara ini, masalah jenayah dan keganasan terhadap wanita diharap dapat dikurangkan dengan adanya semangat bersatu padu dari semua pihak.

7.0 KESIMPULAN

Masalah jenayah terhadap wanita di Malaysia tidak harus di pandang remeh lebih-leboh lagi wanita merupakan sumber kelestarian dan pembangunan negara. Hal ini kerana, kes jenayah terhadap wanita memberi kesan yang buruk terhadap mangsa terutamanya dari segi mental dan fizikal. Kelemahan wanita dijadikan alasan untuk mereka ditindas dan pengalaman pahit yang mereka alami sudah tentu menyebabkan mereka hidup dalam ketakutan. Hal ini seterusnya mengganggu gugat kelestarian wanita untuk membangunkan diri mereka. Dalam konteks kelestarian insan juga, mengekalkan kekuatan, kelebihan dan kemampuan yang ada pada wanita adalah bermakna memberikan peluang kepada kaum wanita untuk menghadapi kelangsungan hidup yang lebih mencabar di masa akan datang. Oleh itu, kelestarian wanita akan memberikan mereka nafas baru untuk meningkatkan nilai insan yang ada dalam diri mereka. Mereka juga berhak untuk maju dan tidak hanya kekal berada pada takuk yang sama untuk membentuk kelestarian dalam diri dengan adanya penambahbaikan, berdaya saing serta berupaya membangunkan diri. Peranan semua pihak adalah sangat penting untuk membantu menangani masalah jenayah terhadap wanita yang semakin serius berlaku di negara ini. Maka semua lapisan masyarakat bertanggungjawab untuk menangani masalah jenayah dan keganasan terhadap wanita daripada berterusan berlaku.

REFERENCES

- Belknap, J. (1996). *The invisible woman: Gender, crime, and justice*. Cincinnati, OH: Wadsworth.
- Chen, Jing Qi and Dunne, Michael P & Han, Ping (2004) Child sexual abuse in China: a study of adolescents in four provinces . *Child Abuse & Neglect* 28(11):pp. 1171 - 1186.
- Handbook for National Action Plans on Violence Against Women (2012). Canadian Network of Women's Shelters and Transition Houses.
- Herman, J. L. (1997). *Trauma and Recovery: The Aftermath of Violence – from Domestic Abuse to Political Terror*. New York: Basic Books. Chapter 1, pp.7 - 32.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. *Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat* 2009.
- Johnson, D.M, Sheahan, T.C, Chard, K.M. (2013). Personality disorders, coping strategies, and posttraumatic stress disorder in women with histories of childhood sexual abuse. *Journal Child Sex Abuse* 12: 19-39.
- Leitenberg, H, Gibson, L.E, & Novy, P.L. Individual differences among undergraduate women in methods of coping with stressful events: The impact of cumulative childhood stressors and abuse. *Child Abuse Negl* 2004; 28: 181 - 92
- Lorentzen, H. Nilsen, & B. Traeen (2008), "Will It Never End? The Narratives of Incest Victims on the Termination of Sexual Abuse," *Journal of Sex Research* 45: 167 - 74
- Maizatul Akmam binti Abdul Bakar, Hazalina binti Mohd Haniff, Latifenossadat Madanian & Faizah binti Abd Ghani (2008) *Keganasan Rumah Tangga: Corak, Punca & Kaedah Penyelesaian*. Seminar Kaunseling Keluarga
- Malaysia (2016) Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Available from: <http://pmn.mcpf.gov.my/index.php/isu-nasional/457>
- Malaysia. (1976). *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Nasional Berhad. Malaysia. (1981). *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1986*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Nasional Berhad
- Meston, C. M., Rellini, A. H., & Heiman, J. R. (2006). Women's history of sexual abuse, their sexuality, and sexual self-schemas. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 74, 229 - 236
- Noll, J. G., Zeller, M. H., Trickett, P. K., & Putnam, F. W. (2007). Obesity risk for female victims of childhood sexual abuse: A prospective study. *Pediatrics*, 120(1), 61 - 67
- Office of Juvenile Justice & Delinquency Prevention (1998). *Guiding principles for promising female programming: An inventory of best practices*. Washington, D.C.: U.S. Department of Justice.
- Rancangan Malaysia Kelapan (RMK – 8) (2001 – 2005), Jabatan Penerangan Malaysia.

Scope: Nationalism, Community Development and Ethnic Relations

Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK – 7) (1996 – 2001), Jabatan Penerangan Malaysia.

Roesler, T. & Weismann, Wind, T. (1994) Telling the secret: Adult women describe their disclosures of incest. *Journal of Interpersonal Violence* (9): 327-338

Shariffah Nuridah Aishah binti Syed Nong Mohamad & Noor'Ashikin binti Hamid (2010) *The Crime of Domestic Violence Against Women In Malaysia: Its Concept & Solutions*. Universiti Teknologi MARA.

Steel, J., Sanna, L., Hammond, B., Whipple, J., & Cross, H. (2004). Psychological sequelae of childhood sexual abuse: Abuse-related characteristics, coping strategies, and attributional style. *Child Abuse & Neglect*, 28, 785 - 801.